

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/03/19 - 16

SOALAN LAZIM BERKAITAN URUSAN PERCUKAIAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) amat prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh semua pembayar cukai yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020.
2. Selain daripada pelanjutan tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) selama dua bulan bagi semua BNCP yang tarikh akhirnya jatuh antara Mac 2020 hingga Jun 2020 seperti yang telah diumumkan sebelum ini, LHDNM turut bersetuju memberikan kelonggaran kepada urusan - urusan yang lain meliputi bayaran cukai, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), Duti Setem, permohonan nombor PIN e-Filing dan lain lain.

3. Sebagai rujukan pembayar cukai, LHDNM ingin memaklumkan bahawa Soalan Lazim (FAQ) berkaitan perkara ini boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikut langkah mudah seperti yang berikut:

- i. Layari laman Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my
- ii. Muat turun di bahagian **Pengumuman**
- iii. Atau klik pada gambar rajah seperti di bawah:



iv. Atau capaian pantas di pautan berikut:

- http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_1.pdf.

4. Adalah diharapkan kemudahan yang diberikan ini dapat membantu pembayar cukai mengatur semula urusan percukaian mereka dan seterusnya meringankan kesulitan yang mereka hadapi.

5. Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau hubungi Hasil Care Line (HCL) di talian 03-8911 1000 atau 603-8911 1100 (luar negara).

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 19 Mac 2020

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNOfficial



LHDNM



LhdnTube